

Qalam

KDN 1275

Bilangan 180

Rabi' al-Awwal 1385 – Julai 1965 – 60 sen

Allāhumma ṣalli wa sallam wabārik 'alayhi

Penerbitan Qalam kali ini berbetulan dengan sempena menyambut Mawlid al-Nabiy (S.A.W) – kepada sekalian pembaca khasnya dan seluruh umat Islam umumnya kita ucapkan selamat memperingati hari menyambut keputeraan Junjungan Muhammad (S.A.W) yang membawa rahmat kepada seluruh alam dan membawa binaan akhlak yang-mulia.

Di dalam masa kita merayakan itu janganlah hendaknya tinggal sambutan itu kepada sambutan sahaja tetapi

ambillah peluang di dalam masa menyambut itu terus-menerus berjuang menyampaikan amanat Nabi yang menyuruh semua pemeluk-pemeluk Islam itu menjadi mubaligh menyeru dan mengingatkan seluruh umat manusia mengakui bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah dan ini tidak terletak hanya di lidah sahaja tetapi menjadi sebatian yang tidak dapat dipisahkan daripada jiwa dan tubuh kita.

Tanamkanlah semangat jihad yang dibina oleh junjungan kita Muhammad (S.A.W) dan tanamkanlah semangat bahawa apabila diseru kepada jalan Allah tidak ada kalimat yang lain yang didengar daripada kita melainkan “kami dengar dan kami taat” dan melaksanakannya dengan harta dan diri dan kalau perlu apabila tiba saatnya dengan darah sekalipun.

Al-Ghazali pernah mengatakan tatkala mengisi keridaan seseorang makhluk atas Allah sebagai Tuhannya, Islam sebagai agamanya dan Muhammad sebagai rasulnya – tatkala dikehendaki mengisi maka tidak ada lagi yang mesti difikirkan – tidak mesti lagi pulang ke rumah untuk

Duta atau Konsul

Ditegah Menjadi Anggota Badan Siasah, Soshial' dan Agama

Dua pertanyaan telah kita kemukakan mulanya kepada Kementerian Dalam Negeri tetapi kemudian pertanyaan itu dirujuk kepada Kementerian Luar Negeri atas peristiwa bagaimana seorang rakyat asing dan diplomat bagi sebuah kerajaan asing memasukkan dirinya di dalam pertubuhan-pertubuhan di Malaysia ini. Pertanyaan itu demikian:

1. Bolehkah ia menjadi anggota atau Ex-Officio bagi badan siasah di negeri ini.
2. Menjadi anggota atau Ex-Officio bagi badan soshial dan agama di negeri ini?

Jawapan yang kami terima dari Setiausaha Tetap Luar Negeri Kerajaan Malaysia atas kedua-dua pertanyaan itu ialah: **Tidak**. Ertinya seseorang rakyat asing yang menjadi diplomat bagi sebuah kerajaan asing – sebagai duta atau konsul kerajaan asing adalah tidak boleh menjadi anggota badan-badan siasah atau soshial atau badan-badan agama di negeri ini.